



## SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH URUS SETIA PENGAMBILAN DI KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

#### PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

#### PENOLONG PESURUHJAYA BURUH (B.2 / B.2 EB.3) JABATAN BURUH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

##### Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalender Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENOLONG PESURUHJAYA BURUH  
JABATAN BURUH  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Business Economics / Computing (Data Analytics) / Development Studies / International Relations / Law / Occupational Health and Safety / Pengurusan Awam / Pengurusan Sumber Tenaga Manusia / Perhubungan Antarabangsa / Public Policy and Management / Sociology / Undang-Undang atau bidang yang bersesuaian.*

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2**

i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Business Economics / Computing (Data Analytics) / Development Studies / International Relations / Law / Occupational Health and Safety / Pengurusan Awam / Pengurusan Sumber Tenaga Manusia / Perhubungan Antarabangsa / Public Policy and Management / Sociology / Undang-Undang atau bidang yang bersesuaian DAN telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.*

**ATAU**

ii) *Telah berkhidmat di Jabatan Buruh dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.*

**ATAU**

iii) *Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.*



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengetuai atau mengikuti Operasi Bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan yang lain;
2. Melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan perkara-perkara berkaitan isu-isu perburuhan pada peringkat antarabangsa, kesatuan kerja, pekerja migran (*Migrant Workers*), undang-undang perburuhan dan hal ehwal perlesenan pengambilan pekerja asing;
3. Membuat perancangan strategik bagi melaksanakan Penguatkuasaan Undang-Undang Perintah Pekerjaan serta langkah-langkah pemberigaan maklumat mengenai hal ehwal perburuhan seperti pembayaran gaji dan kerja lebih masa, keperluan kontrak pekerjaan, penyalahgunaan lesen pekerja asing dan sebagainya bagi meningkatkan lagi kesedaran para majikan, pekerja, agensi pekerjaan serta orang ramai;
4. Membuat penyelidikan mengenai sebarang maklumat yang berkaitan dengan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Buruh dan memberikan cadangan yang bersesuaian dan relevan untuk diguna pakai;
5. Membantu Pesuruhjaya Buruh dan Timbalan Pesuruhjaya Buruh di dalam memberikan pandangan / ulasan dalam semua perkara perburuhan di arena Antarabangsa yang berkaitan dengan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*ILO*), *ASEAN*, *OIC*, Perjanjian-Perjanjian Bebas Perdagangan dan sebagainya dan menyediakan laporan berkenaan dengan mesyuarat-mesyuarat antarabangsa tersebut;
6. Menyelesaikan masalah perburuhan dan perlesenan pengambilan pekerja asing dengan baik menggunakan pertimbangan yang sewajarnya berpandukan kepada undang-undang dan peraturan di bawah kawalan Jabatan Buruh; dan
7. Melakukan pemeriksaan dan pemantauan di tapak-tapak pembinaan, premis perniagaan dan tempat-tempat tinggal pekerja asing bagi memastikan undang-undang perburuhan dan hal ehwal pekerja adalah sentiasa terjaga.